

27/02/2001

Negara Islam belum sedar cabaran globalisasi

Kadir Dikoh; Saidon Idris; Halim Yusof

KUALA LUMPUR, Isnin - Kebanyakan negara Islam masih belum menyedari sepenuhnya mengenai globalisasi kerana sibuk dengan perbalahan sesama sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka begitu sibuk dengan perbalahan sedangkan perbuatan itu bertentangan dengan ajaran agama yang menuntut umat Islam berbaik-baik antara satu sama lain.

"Sebaliknya pada anggapan mereka berbalah itulah yang patut dilakukan. Jadi apabila mereka sibuk dengan perkara itu, mereka tidak dapat memahami sepenuhnya mengenai apa yang akan menuju ke arah mereka.

"Oleh itu, umat Islam hendaklah kembali kepada ajaran pokok agama bagi membolehkan mereka menghadapi sebarang cabaran termasuk globalisasi," katanya ketika berdialog dengan peserta Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi, di sini hari ini.

Salah seorang peserta bertanya kenapa kebanyakan negara Islam masih belum maju dan sama ada terdapat sesuatu yang menghalang kerajaan Islam daripada mencapai kemajuan.

Dr Mahathir menjelaskan, tidak ada apa-apa yang silap dengan ajaran Islam tetapi ada sesuatu yang tidak kena dengan pengamalnya.

"Jika mereka sentiasa mengikuti ajaran Islam, saya yakin mereka akan dapat menghadapi apa jua cabaran.

"Orang kata jangan berbalah sesama sendiri, jangan... tetapi kita tidak ikut, sebaliknya kita bergaduh sesama sendiri. Duduk berbincang bersama pun tidak boleh," katanya.

Mengenai desakannya supaya diwujudkan globalisasi baru dalam orde baru dunia yang memberi lebih keutamaan kepada manusia daripada keuntungan, Dr Mahathir berkata, masyarakat dunia memerlukan sebuah dunia yang lebih baik dan bertimbang rasa.

Ini kerana dunia terlalu kaya hari ini hasil daripada kombinasi sumber baru bahan mentah bersama-sama dengan teknologi baru.

"Ia memberi nilai tambahan daripada apa yang boleh diperoleh sebelum ini. Umpamanya lihatlah kepada mikrocip... ia hanya suatu benda kecil saja tetapi lihatlah nilai tambahan kepada bahan mentah yang digunakan untuk membuat mikrocip," katanya.

Mengenai kesan globalisasi terhadap jurang digital, Dr Mahathir berkata jurang itu menimbulkan kesan sangat buruk dari segi meluaskan lagi perbezaan antara yang kaya dengan miskin.

Katanya, sementara pihak yang kaya mampu mendapatkan semua peralatan baru untuk mengurangkan kos pengeluaran barangan mereka, pihak miskin terpaksa terus dengan cara lama dan menjadikan mereka tidak cekap.

Mengenai sektor perubatan di negara ini, Perdana Menteri berkata kerajaan berusaha mencari jalan mengatasi masalah peningkatan kos rawatan perubatan dan menjamin bahawa orang miskin tidak dinafikan daripada mendapat rawatan.

Katanya, kerajaan bukan cuba untuk lari daripada tanggungjawabnya menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik di negara ini apabila ia mahu menswastakan perkhidmatan itu.

Dalam ucapannya, beliau turut menjelaskan bagaimana terbuka dan globalnya Malaysia dengan menggariskan beberapa pencapaian atau kejayaan negara menerusi usaha yang bersungguh-sungguh dalam tempoh dua dekad.

Dr Mahathir berkata dalam tahun 1999, eksport dan import Malaysia masing-masing 114 peratus dan 83 peratus daripada jumlah keluaran dalam

negara kasar (KDNK).

Beliau berkata pelabur asing memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi Malaysia berbanding dengan sumbangan mereka kepada Amerika Syarikat, dengan bank asing di Malaysia menguasai 29 peratus daripada aset perbankan dalam tahun 1999 dan 31.32 peratus daripada semua pinjaman bank.

Beliau juga berkata pekerja asing menguasai 20 peratus daripada tenaga kerja di Malaysia.

(END)